

CNS1741

U GB 21-06 00231 BA444

AAB

KONTRAK BERNILAI RML.500 JUTA DIPEROLEHI DARI CHINA

I

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

SHENZHEN, 21 Jun (Bernama) -- Para usahawan Malaysia yang mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke China telah memperolehi kontrak perniagaan bernilai RML,494.2 juta dengan rakan sejawatan mereka di China, kontrak terbesar yang diperolehi setakat ini.

Ini terkandung dalam laporan sementara yang dikemukakan kumpulan itu kepada Perdana Menteri yang akan berlepas pulang esok setelah lawatan rasmi 10 hari, yang beliau sifatkan sebagai paling berjaya.

Dr Mahathir memberitahu para wartawan Malaysia bahawa RM279.8 juta daripada kontrak itu ialah untuk eksport dan RM60.4 juta bagi mengimport barangan China ke Malaysia manakala bakinya RM1,154 juta merupakan nilai keseluruhan pelaburan bagi projek usahasama yang telahpun dipersetujui atau yang sedang dirundingkan.

Perdana Menteri berkata, lebih banyak urusan niaga boleh dijangkakan pada masa depan dan sesetengah daripada anggota delegasi perniagaan yang tidak menandatangani kontrak telah melaporkan kepadanya bahawa mereka telah membuat hubungan penting semasa lawatan itu.

"Mereka akan datang lagi kemudian untuk merundingkan urusan niaga mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam beberapa bulan ini kita akan dapat melihat banyak pertukaran lawatan di kalangan para pegawai dan usahawan kedua-dua negara.

+Beberapa rombongan akan mengunjungi China dan lebih banyak rombongan dari China akan ke Malaysia," katanya.

Mereka akan mewakili sektor awam dan juga swasta, katanya. -- Bernama.

ARS KAM.

▼21/06/18-31MST